

SOALAN LAZIM (FREQUENTLY ASKED QUESTION)

1. BIASISWA YAYASAN SARAWAK TUN TAIB (BYSTT)

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.1	Bilakah tarikh permohonan Biasiswa Yayasan Sarawak Tun Taib dibuka?	Permohonan dijangka dibuka setahun sekali pada sekitar bulan Jun – Julai setiap tahun. Tawaran pengambilan akan diiklankan di laman sesawang Yayasan Sarawak dan Media Sosial Yayasan Sarawak (facebook & twitter). Semua maklumat permohonan biasiswa akan dipaparkan di dalam iklan tersebut.
1.2	Apakah bidang pengajian yang layak untuk memohon Biasiswa Yayasan Sarawak Tun Taib?	Pelajar yang mengikuti kursus dalam bidang STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) sahaja.
1.3	Apakah syarat kelayakan untuk memohon Biasiswa Yayasan Sarawak Tun Taib?	<ol style="list-style-type: none">I. Pemohon mestilah warganegara Malaysia dan Anak Jati Sarawak (salah seorang ibu atau bapa pelajar adalah orang Sarawak);II. Pelajar Ijazah Pertama yang sedang mengikuti pengajian di IPTA dan IPTS terpilih di dalam negara dengan CGPA 3.0 ke atas (akademik terkini); danIII. Pelajar Ijazah Lanjutan (Sarjana, PhD & Kepakaran) yang mengikuti pengajian di IPT di dalam dan luar negara dalam bidang penyelidikan sahaja.
1.4	Bagaimana cara untuk memohon Biasiswa Yayasan Sarawak Tun Taib?	Permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian di pautan laman web <u>YAYASAN SARAWAK</u> atau dengan menggunakan mobile app Yayasan Sarawak Student App di Apple App Store (iOS) atau Google Play Store (Android).
1.5	Adakah penerima Biasiswa Yayasan Sarawak Tun Taib terikat untuk hanya bekerja di dalam Malaysia sahaja selepas tamat pengajian?	Penerima Biasiswa Yayasan Sarawak Tun Taib dikehendaki berkhidmat selama 5 tahun di Sarawak dan di dalam Malaysia. (Pihak Yayasan Sarawak tidak menyediakan peluang pekerjaan kepada pelajar).
1.6	Bolehkah pemohon yang mengikuti kursus secara sambilan memohon Biasiswa Yayasan Sarawak Tun Taib?	Tidak. Pelajar yang ingin memohon Biasiswa Yayasan Sarawak Tun Taib hendaklah mengikuti kursus sepenuh masa sahaja.
1.7	Bagaimanakah pemohon boleh mengetahui status permohonan sekiranya Berjaya atau tidak?	Hanya pemohon yang disenarai pendek akan dihubungi oleh pihak sekretariat untuk sesi temuduga. Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklumat dalam tempoh 3 bulan, maka permohonan tidak dianggap berjaya.

SOALAN LAZIM (FREQUENTLY ASKED QUESTION)

-
- 1.8 Apakah dokumen yang perlu dihantar semasa momohon Biasiswa Yayasan Sarawak Tun Taib?**
- I. Surat tawaran kemasukan institusi;
 - II. Penyata gaji ibu bapa atau Surat pengesahan pendapatan ibu bapa;
 - III. Sijil akademik dan sijil bukan akademik;
 - IV. Sijil kokurikulum daripada JPNS; dan
 - V. Salinan Mykad & Sijil Lahir Pelajar serta ibu bapa.
-
- 1.9 Bagaimana untuk menghantar dokumen permohonan Yayasan Sarawak Tun Taib?**
- Pemohon boleh menghantar dokumen semasa permohonan dibuka iaitu secara dalam talian di laman web rasmi Yayasan Sarawak atau boleh menghantar salinan dokumen yang disahkan serta menulis nama skim yang dipohon ke ibu pejabat Yayasan Sarawak.
-

SOALAN LAZIM (FREQUENTLY ASKED QUESTION)

2. BIASISWA YAYASAN SARAWAK TUN TAIB (BYSTT)

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
2.1	Bilakah tarikh permohonan Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman dibuka?	Permohonan dijangka dibuka setahun sekali pada sekitar bulan Jun – Julai setiap tahun. Tawaran pengambilan akan diiklankan di laman sesawang Yayasan Sarawak dan Media Sosial Yayasan Sarawak (facebook & twitter). Semua maklumat permohonan biasiswa akan dipaparkan di dalam iklan tersebut.
2.2	Apakah bidang pengajian yang layak untuk memohon Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman?	Pelajar yang mengikuti kursus dalam bidang bukan STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) sahaja.
2.3	Apakah syarat kelayakan untuk memohon Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman?	<ol style="list-style-type: none">I. Pemohon mestilah warganegara Malaysia dan Anak Jati Sarawak (salah seorang ibu atau bapa pelajar adalah orang Sarawak);II. Pelajar Ijazah Pertama yang sedang mengikuti pengajian di IPTA dan IPTS terpilih di dalam negara dengan CGPA 3.0 ke atas (akademik terkini); danIII. Pelajar Ijazah Lanjutan (Sarjana, PhD & Kepakaran) yang mengikuti pengajian di IPT di dalam dan luar negara dalam bidang penyelidikan sahaja.
2.4	Bagaimana cara untuk memohon Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman?	Permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian di pautan laman sesawang <u>YAYASAN SARAWAK</u> atau dengan menggunakan <i>mobile app</i> Yayasan Sarawak Student App di Apple App Store (iOS) atau Google Play Store (Android).
2.5	Adakah penerima Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman terikat untuk hanya bekerja di dalam Malaysia sahaja selepas tamat pengajian?	Penerima Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman dikehendaki berkhidmat selama 5 tahun di Sarawak dan di dalam Malaysia. (Pihak Yayasan Sarawak tidak menyediakan peluang pekerjaan kepada pelajar).
2.6	Bolehkah pemohon yang mengikuti kursus secara sambilan memohon Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman?	Tidak. Pelajar yang ingin memohon Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman hendaklah mengikuti kursus sepenuh masa sahaja.
2.7	Bagaimanakah pemohon boleh mengetahui status permohonan	Hanya pemohon yang disenarai pendek akan dihubungi oleh pihak sekretariat untuk sesi

SOALAN LAZIM (FREQUENTLY ASKED QUESTION)

sekiranya Berjaya atau tidak?	temuduga. Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklumat dalam tempoh 3 bulan, maka permohonan tidak dianggap berjaya.
2.8 Apakah dokumen yang perlu dihantar semasa memohon Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman?	<ol style="list-style-type: none">I. Surat tawaran kemasukan institusi;II. Penyata gaji ibu bapa atau Surat pengesahan pendapatan ibu bapa;III. Sijil akademik dan sijil bukan akademik;IV. Sijil kokurikulum daripada JPNS; danV. Salinan Mykad & Sijil Lahir Pelajar serta ibu bapa.
2.9 Bagaimana untuk menghantar dokumen untuk memohon Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman?	Pemohon boleh menghantar dokumen semasa permohonan dibuka iaitu secara dalam talian di laman web rasmi Yayasan Sarawak atau boleh menghantar salinan dokumen yang disahkan serta menulis nama skim yang dipohon ke ibu pejabat Yayasan Sarawak.

SOALAN LAZIM (FREQUENTLY ASKED QUESTION)

3. BANTUAN KEMASUKAN KE INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (BK-IPT)

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
3.1	Apakah tujuan Bantuan Kemasukan ke IPT?	Membantu membiayai kos peringkat awal pelajar yang memulakan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi.
3.2	Bagaimanakah pemohon boleh mengetahui status permohonan BK-IPT?	Pelajar boleh menyemak status kelulusan permohonan BK-IPT di pautan laman sesawang <u>YAYASAN SARAWAK</u> atau dengan menggunakan <i>mobile app</i> Yayasan Sarawak Student App di Apple App Store (iOS) atau Google Play Store (Android).
3.3	Apakah syarat kelayakan untuk memohon BK-IPT?	<ol style="list-style-type: none">I. Pemohon mestilah warganegara Malaysia dan Anak Jati Sarawak (salah seorang ibu atau bapa pelajar adalah orang Sarawak);II. Terbuka kepada pelajar yang berada dalam pengajian semester 1 sahaja;III. Mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam, Kolej Matrikulasi anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia dan Institusi Latihan Kemahiran / Teknikal Anjuran Kerajaan dan di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (Curtin Miri, Swinburne Kuching, UTS Sibu & Kolej Laila Taib, Sibu);IV. Ibubapa / penjaga pelajar mempunyai pendapatan perkapita RM1,500.00 dan ke bawah; danV. Hanya meliputi kemasukan peringkat Sijil/ Matrikulasi / Asasi / Pra Diploma / Diploma / Ijazah di Institusi Pengajian Tinggi Awam.
3.4	Bagaimana cara untuk memohon BK-IPT?	Permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian di pautan laman sesawang <u>YAYASAN SARAWAK</u> atau dengan menggunakan <i>mobile app</i> Yayasan Sarawak Student App di Apple App Store (iOS) atau Google Play Store (Android).
3.5	Apakah dokumen yang perlu dihantar semasa memohon BK-IPT?	<ol style="list-style-type: none">I. Surat tawaran kemasukan ke institusi;II. Salinan Mykad & Sijil Lahir Pelajar serta ibu bapa;III. Penyata gaji ibu bapa atau Surat pengesahan pendapatan ibu bapa;IV. Salinan penyata bank akaun pelajar; danV. Salinan MyKad adik beradik yang masih

SOALAN LAZIM (FREQUENTLY ASKED QUESTION)

dalam tanggungan (jika perkapita keluarga melebihi RM 1,500.00).

- | | | |
|------------|---|--|
| 3.6 | Bilakah tarikh permohonan di buka? | Permohonan dibuka sepanjang tahun. |
| 3.7 | Berapa kadar bantuan yang diterima oleh pemohon BK-IPT sekiranya diluluskan? | Institusi / Universiti;
Di dalam Sarawak : RM1,000.00
Di luar Sarawak : RM 1,500.00 |
| 3.8 | Adakah jumlah pendapatan mempengaruhi permohonan BK-IPT? | Ya, kelayakan diberi bagi Ibu bapa/ penjaga pelajar yang mempunyai pendapatan perkapita RM1,500.00 dan ke bawah. |
-

SOALAN LAZIM (FREQUENTLY ASKED QUESTION)

4. BIASISWA KHAS PROGRAM PERUBATAN UNIMAS (BKPPU)

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
4.1	Apakah tujuan Biasiswa Khas Program Perubatan UNIMAS?	Khusus untuk pelajar yang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Program Perubatan di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Setiap tahun 40 orang pelajar akan ditawarkan biasiswa sebagai usaha untuk meningkatkan bilangan doktor di Sarawak.
4.2	Apakah syarat kelayakan untuk memohon Biasiswa Khas Program Perubatan UNIMAS?	<ol style="list-style-type: none">I. Pemohon mestilah warganegara Malaysia dan Anak Jati Sarawak (salah seorang ibu atau bapa pelajar adalah orang Sarawak);II. Mendapat tawaran dan pengesahan pengajian program perubatan di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS); danIII. Pihak UNIMAS akan menghantar senarai nama pelajar dan pihak Yayasan Sarawak akan menemuduga pelajar yang layak.
4.3	Adakah penerima Biasiswa Khas Program Perubatan UNIMAS terikat untuk hanya berkhidmat di dalam Malaysia sahaja selepas tamat pengajian?	Penerima Biasiswa Khas Program Perubatan UNIMAS akan berkhidmat selama 10 tahun di Sarawak selaras dengan tujuan biasiswa ini.
4.4	Bolehkah pemohon yang mengikuti kursus secara sambilan memohon Biasiswa Khas Program Perubatan UNIMAS?	Pelajar yang ingin memohon Biasiswa Khas Program Perubatan UNIMAS hendaklah mengikuti kursus sepenuh masa sahaja.

SOALAN LAZIM (FREQUENTLY ASKED QUESTION)

5. BIASISWA TEMPATAN YAYASAN SARAWAK (BTYS)

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
5.1	Apakah tujuan Biasiswa Tempatan Yayasan Sarawak?	Menyediakan biasiswa kepada pelajar peringkat Sekolah Menengah di Negeri Sarawak yang kurang berkemampuan dan membiayai persekolahan bagi membolehkan pelajar meneruskan persekolahan serta menggalakkan peningkatan prestasi akademik pelajar. Borang permohonan diedarkan ke sekolah melalui Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak (JPNS).
5.2	Apakah syarat kelayakan Biasiswa Tempatan Yayasan Sarawak?	<ol style="list-style-type: none">I. Pemohon mestilah warganegara Malaysia dan salah seorang ibu atau bapa pelajar adalah orang Sarawak;II. Terbuka kepada pelajar Sekolah Menengah dan keutamaan diberikan kepada pelajar Tingkatan 2;III. Tapisan pemilihan pelajar adalah berdasarkan permarkahan daripada pihak sekolah iaitu akademik, kokurikulum dan ekonomi keluarga pelajar yang telah disahkan oleh pihak sekolah;IV. Pelajar TIDAK penerima biasiswa atau bantuan kewangan daripada kerajaan atau pihak luar; danV. Pelajar tidak mempunyai masalah disiplin di sekolah.
5.3	Berapakah kadar bantuan yang diberikan?	Kadar tetap Tingkatan 2 – 5 adalah RM400.00 bagi setiap pelajar.

SOALAN LAZIM (FREQUENTLY ASKED QUESTION)

6. INISIATIF GRADUAN PULANG SARAWAK (IGPS)

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
6.1	Berapa kali pelajar layak untuk memohon dan berapakah kadar bantuan IGPS?	<ol style="list-style-type: none">I. Nilai subsidi adalah sebanyak RM300 seorang untuk satu perjalanan dari semenanjung Malaysia, Sabah & Wilayah Labuan yang pulang ke Sarawak;II. Seorang pemohon hanya boleh memohon sebanyak dua kali sahaja setahun; danIII. Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar dalam tempoh 60 hari dari tarikh penerbangan dan permohonan tersebut akan diproses oleh Sarawak Volunteer.
6.2	Apakah syarat kelayakan IGPS?	<ol style="list-style-type: none">I. Pemohon mestilah warganegara Malaysia dan salah seorang ibu atau bapa pelajar adalah orang Sarawak;II. Berumur 18 tahun dan ke atas ketika penerbangan; danIII. Pelajar sepenuh masa di mana -mana IPT di Malaysia yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan.
6.3	Bagaimanakah cara untuk memohon IGPS?	<p>Permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian di pautan laman sesawang <u>YAYASAN SARAWAK</u> atau dengan menggunakan <i>mobile app</i> Yayasan Sarawak Student App di Apple App Store (iOS) atau Google Play Store (Android).</p> <p>Untuk sebarang pertanyaan mengenai kelulusan permohonan, sila berhubung dengan Sarawak Volunteer di talian <u>011-3322 1107</u></p> <p>Untuk sebarang pertanyaan mengenai status pembayaran, sila berhubung dengan Seksyen Biasiswa di talian 082-441686.</p>
6.4	Apakah dokumen yang diperlukan untuk memohon IGPS?	<ol style="list-style-type: none">I. Borang permohonan yang lengkap diisi;II. Salinan Kad Pengenalan Diri;III. Surat Pengesahan Pelajar Sepenuh Masa yang terkini daripada IPT pemohon; danIV. Salinan Pas Masuk (<i>Boarding Pass</i>) & Tiket penerbangan sebagai bukti perjalanan.

SOALAN LAZIM (FREQUENTLY ASKED QUESTION)

7. SKIM BURSARI BP40

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
7.1	Apakah tujuan Skim Bursari BP40?	Dengan Skim Bursari BP40, pelajar boleh memiliki ijazah Australia bertaraf antarabangsa seperti Swinburne University of Technology Sarawak Campus, Curtin University, Malaysia dan University of Technology Sarawak (UTS) tanpa berbelanja lebih untuk yuran pengajian. Pelajar boleh memulakan pengajian dalam peringkat Pra-Universiti, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda pada kos subsidi serendah yuran pengajian di universiti awam di Malaysia.
7.2	Apakah syarat kelayakan Skim Bursari BP40?	<ol style="list-style-type: none">I. Untuk pelajar Bumiputera Sarawak di dalam golongan isi rumah B40 sahaja;II. Untuk pelajar Bukan Bumiputera Sarawak di dalam golongan isi rumah B40 yang mengikuti pengajian di University of Technology Sarawak sahaja; danIII. Belajar sepenuh masa di Swinburne University of Technology Sarawak Campus, Curtin University, Malaysia dan University of Technology Sarawak (UTS).
7.3	Bagaimanakah cara untuk memohon Skim Bursari BP40?	Permohonan boleh dibuat melalui dalam talian di laman sesawang Swinburne University of Technology Sarawak Campus, Curtin University, Malaysia dan University of Technology Sarawak (UTS).

SOALAN LAZIM (FREQUENTLY ASKED QUESTION)

8. SEKSYEN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN 2022

8.1 Permohonan Pinjaman Yayasan Sarawak:

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
8.1.1	Bagaimanakah saya hendak membuat permohonan pinjaman Yayasan Sarawak?	Anda boleh membuat permohonan secara atas talian di http://175.138.68.197:51/iwps/
8.1.2	Bolehkah saya mendapat pinjaman Yayasan Sarawak bermula semester pertama walaupun saya sudah di semester kedua?	Tidak boleh. Tempoh pembiayaan Yayasan Sarawak adalah berdasarkan semester semasa dan semester selanjutnya sehingga tamat tempoh pengajian.
8.1.3	Saya telah menamatkan pengajian peringkat Ijazah Pertama dengan mendapat pinjaman Yayasan Sarawak. Sekiranya saya ingin mengikuti pengajian dalam bidang lain di peringkat Diploma, bolehkah saya memohon pinjaman lagi?	Tidak boleh. Yayasan Sarawak hanya mempertimbangkan permohonan pinjaman sekiranya pelajar memohon untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.
8.1.4	Saya telah berhenti/ gagal pengajian di IPT/ membatalkan pinjaman dan ingin menyambung semula pengajian pada peringkat yang sama. Adakah saya masih boleh memohon pinjaman Yayasan Sarawak?	Boleh. Tetapi anda mesti menyelesaikan sepenuhnya jumlah pinjaman yang terdahulu sebelum memohon pinjaman yang baharu.
8.1.5	Saya ditawarkan mengikuti pengajian peringkat separuh masa di IPTA tempatan. Adakah saya layak memohon pinjaman Yayasan Sarawak?	Ya. Anda boleh memohon. Walau bagaimanapun, keutamaan penajaan kami adalah untuk pengajian sepenuh masa di IPTA.
8.1.6	Saya ditawarkan mengikuti pengajian ' <i>foundation</i> ' di IPTS. Adakah saya layak membuat permohonan pinjaman Yayasan Sarawak?	Ya, sekiranya anda mengikuti pengajian di: i. Swinburne University of Technology Sarawak Campus, Kuching; ii. University of Technology Sarawak (UTS), Sibu; dan iii. Curtin University Malaysia, Miri.
8.1.7	Bolehkah saya memohon pinjaman Yayasan Sarawak bagi program 2+1 (<i>twinning program</i>) yang dijalankan secara usaha sama dengan IPT	Boleh. Anda perlu memohon Skim Pinjaman Pelajaran Luar Negara (bercagaran).

SOALAN LAZIM (FREQUENTLY ASKED QUESTION)

Luar Negara. Program pengajian ini dijalankan selama 2 tahun di Dalam Negara dan 1 tahun di Luar Negara.

8.2 Tawaran Pinjaman Pendidikan:

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
8.2.1	Saya telah menerima dokumen tawaran pinjaman. Bilakah saya perlu menghantar dokumen tersebut?	Anda perlu mengembackan dokumen tersebut kepada Yayasan Sarawak selewat-lewatnya 30 hari dari tarikh surat tawaran.

8.3 Pembayaran dan Pembatalan Pinjaman Yayasan Sarawak:

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
8.3.1	Berapakah tempoh masa yang diambil untuk menerima wang pinjaman selepas menghantar dokumen yang lengkap kepada pihak Yayasan Sarawak?	Wang pinjaman akan dikreditkan dalam tempoh masa 7 hari waktu bekerja sebaik sahaja dokumen lengkap diterima.

8.3.2	Bagaimanakah pembayaran pinjaman bagi semester berikutnya dibuat?	Pembayaran hanya dibuat setelah anda mengemukakan salinan keputusan peperiksaan ataupun surat pengesahan masih aktif pengajian daripada Universiti kepada Yayasan Sarawak.
-------	--	--

8.3.3	Adakah pembayaran yang telah ditahan disebabkan saya memperolehi GPA di bawah 1.00 boleh diteruskan semula?	Ya. Yayasan Sarawak akan meneruskan pembayaran kepada anda sekiranya anda telah mendapat GPA 2.00 atau ke atas.
-------	--	---

8.3.4	Adakah saya layak mendapatkan baki pinjaman jika berjaya menamatkan pengajian lebih awal daripada tempoh pengajian sebenar?	Tidak layak. Pembayaran pinjaman hanya dibayar berdasarkan tempoh tamat pengajian anda.
-------	--	---

8.3.5	Apakah prosedur untuk membatalkan pinjaman saya?	Anda perlu memaklumkan secara bertulis melalui surat rasmi kepada pihak Yayasan Sarawak.
-------	---	--

8.4 Dokumen Perjanjian Pinjaman:

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
8.4.1	Bagaimanakah caranya untuk saya memaklumkan mengenai perubahan alamat dan butiran diri saya?	Anda boleh memaklumkan melalui surat rasmi ataupun email kepada Yayasan Sarawak berbuat demikian.

SOALAN LAZIM (FREQUENTLY ASKED QUESTION)

8.4.2	Sebelum saya menandatangani dokumen tawaran, saya dapati terdapat perbezaan maklumat pengajian pada surat tawaran pinjaman. Bolehkah saya memaklumkan bahawa surat tawaran tersebut perlu dibuat pindaan?	Boleh. Anda perlu memaklumkan kepada pegawai Yayasan Sarawak tentang perbezaan maklumat tersebut. Sekiranya terdapat kesilapan di pihak Yayasan Sarawak, pihak kami akan mengemukakan semula dokumen baharu kepada anda.
8.4.3	Bagaimanakah untuk saya mendapatkan salinan dokumen perjanjian?	Salinan dokumen perjanjian pelajar dan penjamin akan dihantar melalui pos ke alamat seperti yang tertera di dalam permohonan anda atau datang ke Kaunter Yayasan Sarawak.
8.4.4	Saya belum lagi menerima salinan dokumen perjanjian. Berkemungkinan surat saya dikembalikan ke pejabat Yayasan Sarawak kerana saya telah berpindah ke alamat baharu tanpa pengetahuan Yayasan Sarawak. Bagaimana saya ingin mendapatkan semula salinan dokumen perjanjian tersebut?	Anda perlu menghubungi ataupun datang ke pejabat Yayasan Sarawak bagi menuntut dokumen tersebut dengan memaklumkan kami alamat terkini.
8.4.5	Sekiranya saya tidak dapat menuntut salinan dokumen perjanjian di Yayasan Sarawak, bolehkah saya mewakilkan orang lain untuk menuntut dokumen tersebut?	Boleh. Wakil anda boleh datang ke kaunter Yayasan Sarawak dengan memberikan nama anda.
8.4.6	Di manakah untuk saya mendapatkan setem hasil dan mematikannya?	Anda boleh mendapatkan setem hasil dan mematikannya di Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

8.5 Rayuan Pertambahan Jumlah Pinjaman Pendidikan:

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
8.5.1	Bolehkah saya memohon penambahan kadar pinjaman sekiranya jumlah pinjaman yang diluluskan masih tidak mencukupi?	Tidak boleh. Ini kerana kadar pinjaman yang diberikan merupakan yang telah ditetapkan oleh Yayasan Sarawak.

8.6 Pinjaman Tambahan:

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
8.6.1	Sekiranya saya tidak	Boleh. Anda boleh mengemukakan

SOALAN LAZIM (FREQUENTLY ASKED QUESTION)

menamatkan pengajian permohonan pinjaman tambahan tersebut mengikut tempoh asal, dengan melengkapkan borang permohonan bolehkah saya memohon pinjaman tambahan dan mengemukakan surat kerana pengesahan daripada Universiti. masih mengulang subjek yang gagal?

SOALAN LAZIM (FREQUENTLY ASKED QUESTION)

9. INSENTIF BAYARAN BALIK PINJAMAN PTPTN ANAK SARAWAK (INSENTIF 30:30 YS-PTPTN)

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
9.1	Apakah tujuan insentif 30:30 YS-PTPTN yang diperuntukkan oleh Yayasan Sarawak?	Insentif 30:30 YS-PTPTN merupakan inisiatif daripada pihak Yayasan Sarawak untuk membantu peminjam PTPTN dalam kalangan anak-anak Sarawak dengan memberikan pengurangan sebanyak 30% ke atas baki pinjaman PTPTN mereka.
9.2	Siapakah yang layak menerima insentif 30:30 YS-PTPTN ini?	<p>Peminjam yang layak adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">Peminjam telah menamatkan pengajian dengan jayanya (tidak termasuk gagal/berhenti pengajian);Peminjam merupakan anak Sarawak (<i>Sarawakian</i>) iaitu sama ada salah seorang ibu atau bapa kelahiran negeri Sarawak; danPeminjam telah menyelesaikan sekurang-kurangnya 30% daripada baki hutang pinjaman. <p><i>Peminjam yang telah menyelesaikan keseluruhan pinjaman adalah tidak layak mendapat insentif ini.</i></p>
9.3	Bagaimanakah saya hendak memohon insentif ini?	Peminjam tidak perlu mengemukakan sebarang permohonan. Pihak PTPTN akan mengemukakan senarai peminjam yang layak menerima insentif ini kepada Yayasan Sarawak.
9.4	Bagaimanakah kelayakan pengurangan sebanyak 30% ini ditentukan?	Kelayakan pengurangan sebanyak 30% ditentukan daripada jumlah bayaran balik yang telah dijelaskan oleh peminjam iaitu hendaklah sekurang-kurangnya 30% daripada hutang PTPTN. Peminjam boleh membuat semakan jumlah bayaran balik di pautan laman sesawang <u>PTPTN</u> atau melalui aplikasi myPTPTN di Apple App Store (iOS) atau Google Play Store (Android).
9.5	Bagaimanakah kaedah semakan status pemberian insentif ini?	Semakan status pemberian insentif ini boleh dibuat di laman sesawang rasmi <u>PTPTN</u> mulai 9 Mac 2021.
9.6	Mengapakah nama saya tidak tersenarai dalam kelompok yang layak menerima insentif	Bagi peminjam yang tidak tergolong dalam kelompok penerima pada kali ini, mereka akan diproses dalam kelompok yang lain.

SOALAN LAZIM (FREQUENTLY ASKED QUESTION)

ini?

9.7 **Berapa kali peminjam layak menikmati insentif ini?** Peminjam hanya layak menikmati insentif ini sekali sahaja.
